



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
2026-2030



Imbas untuk Membaca
Versi Digital



PRAKATA

Aspirasi Pendigitalan Kepimpinan Tertinggi

Melangkah melepasi fasa kritikal 2025, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) kini berada di ambang transformasi ke arah integrasi ekosistem digital mengikut arus global. Pendigitalan dalam konteks pasca 2025 bukan sekadar satu evolusi infrastruktur, ia adalah penyusunan semula sistem sosial negara untuk masa depan. Kepimpinan tertinggi KPN mengakui bahawa dalam dunia yang dipacu oleh algoritma dan evolusi digital yang pesat, ia memerlukan satu ekosistem digital dalam kementerian yang intelektual, proaktif, dan inklusif. Transformasi ini dilihat sebagai pemangkin yang akan mengintegrasikan data perpaduan daripada pelbagai agensi, menyantuni rakyat melalui perkhidmatan yang bukan sahaja cekap, tetapi empati terhadap keperluan kepelbagaian kaum.

Aspirasi ini dizahirkan dengan penuh wibawa oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pegawai Digital (CDO) KPN yang menetapkan nada strategik bagi seluruh warga kementerian.

Wadah Aspirasi: Menterjemah Visi Ke Arah Realiti

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan*



Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pasukan Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Perpaduan Negara (KPN) 2026-2030 atas kejayaan menyempurnakan dokumen PSP KPN 2026-2030 ini. Pelan ini juga telah mencerminkan kesungguhan dan komitmen jitu daripada semua ahli pasukan yang terlibat.

Kita kini berada dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menyaksikan kemunculan teknologi disruptif seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), Analitik Data Raya (*Big Data Analytics*), dan teknologi rangkaian tanpa wayar mudah alih bagi generasi kelima dan keenam (*Wireless 5G/6G*). PSP KPN 2026-2030 dirangka khusus untuk mengasimilasikan teknologi-teknologi ini ke dalam fungsi teras kementerian. Matlamat utama kita adalah untuk melaksanakan transformasi daripada sebuah organisasi yang mengurus data secara pasif kepada kementerian yang berpacuan data.

PSP KPN 2026-2030 bakal menjadi panduan dan wadah asas dalam mendominasi serta merealisasikan aspirasi memacu transformasi digital yang inklusif untuk tempoh 5 tahun akan datang. Semua matlamat yang digariskan adalah sejajar dengan hala tuju dan matlamat strategik kementerian bagi menerajui ekosistem digital nasional yang inklusif sebagai pemangkin keharmonian Negara Bangsa yang berdaya tahan.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga KPN agar bersama-sama menjayakan pelaksanaan program-program yang telah dirangka dalam PSP KPN 2026-2030.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

Nadi Strategik: Memacu Kecemerlangan Kementerian

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan*

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam, atas limpah rahmat-Nya yang membolehkan kita melakarkan satu lagi pencapaian penting dalam lipatan transformasi sektor awam melalui pelancaran PSP KPN bagi tempoh 2026-2030. Dokumen ini bukan sekadar sebuah naskhah perancangan teknikal, malah ia merupakan bukti komitmen kementerian dalam menterjemah aspirasi nasional ke arah sebuah negara komprehensif, makmur, dan bersatu padu yang menerapkan teknologi digital.



Kejayaan pelaksanaan PSP KPN 2021-2025 telah meletakkan asas digital yang stabil di KPN. Sejajar dengan itu, PSP KPN 2026-2030 akan menjadi kompas strategik dalam mendominasi landskap transformasi digital yang kolektif. Kementerian telah menetapkan tiga teras strategik bagi memperkasakan perkhidmatan digital bersepadu, membina infrastruktur yang mampan, dan merombak tadbir urus ICT secara holistik. Visi ini memerlukan peralihan paradigma daripada sistem yang bersifat silo kepada ekosistem yang saling berpaut, bagi memastikan setiap data perpaduan menjadi maklumat berguna untuk pembuatan keputusan di peringkat tertinggi.

Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga kementerian untuk menghayati setiap teras strategik yang telah dirangka. Kesediaan organisasi untuk berubah adalah kunci utama.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan petugas PSP KPN 2026-2030 atas usaha gigih dalam menghasilkan dokumen ini. Semoga segala usaha murni kita dalam memperkasakan perpaduan melalui kecemerlangan digital ini diberkati dan mencapai objektif yang dihasratkan demi nusa dan bangsa.

Sekian dan terima kasih.

YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) /
Ketua Pegawai Digital (CDO)
Kementerian Perpaduan Negara

Ringkasan Eksekutif:

Menterjemah Aspirasi Ke Realiti

Dokumen PSP 2026-2030 KPN merupakan sebuah dokumen strategik yang dirangka bagi memperkukuh agenda transformasi digital kementerian secara menyeluruh selaras dengan aspirasi Rangka Pendigitalan Sektor Awam, Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Dokumen ini memberi fokus kepada pembangunan ekosistem digital yang inklusif, cekap dan bersepadu dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, memperkukuh tadbir urus organisasi serta memperkasa penggunaan teknologi terkini sebagai pemangkin perpaduan nasional.

Di bawah Teras 1, kementerian memberi penekanan kepada pemerkasaan ekosistem penyampaian perkhidmatan digital bersepadu melalui pembangunan aplikasi baharu, pengukuhan sistem sedia ada, pengintegrasian perkongsian data serta peluasan perkhidmatan berorientasikan pengguna dan data.

Teras 2 memfokuskan kepada pengukuhan infrastruktur digital berasaskan teknologi terkini dan selamat melalui pemerkasaan pengurusan aset ICT, keselamatan siber, ketahanan infrastruktur dan kecekapan rangkaian pintar. Teras 3 pula memberi penekanan kepada pengukuhan tadbir urus digital dan pemerkasaan keupayaan ICT melalui pembangunan kompetensi modal insan, pengukuhan pematuhan standard ICT serta pembudayaan digital secara berterusan.

Melalui pelaksanaan tiga teras utama ini, kementerian komited untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang lebih responsif dan berpaksikan rakyat, sekali gus memanfaatkan kecanggihan teknologi digital sebagai wadah kebersamaan demi memperkukuh agenda perpaduan nasional.

KANDUNGAN

PRAKATA

i

Wadah Aspirasi: Menterjemah Visi Ke Arah Realiti

ii

Nadi Strategik: Memacu Kecemerlangan Kementerian

iii

Ringkasan Eksekutif: Menterjemah Aspirasi Ke Realiti

2

1.0 Pengenalan

4

2.0 Carta Organisasi Pasukan Pembangunan PSP 2026-2030

5

3.0 Visi dan Misi Kementerian

5

4.0 Visi dan Misi Pelan Strategik Pendigitalan

6

5.0 Teras Strategik Pendigitalan

8

- 5.1 - Teras 1: Pemerkasaan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Digital Bersepadu

11

- 5.2 - Teras 2: Pengukuhan Infrastruktur Digital Berasaskan Teknologi Terkini dan Selamat

15

- 5.3 - Teras 3: Pengukuhan Tadbir Urus Digital dan Pemerkasaan Keupayaan ICT

18

6.0 Landskap Ekosistem ICT KPN

20

7.0 Penjajaran PSP KPN 2026-2030 Bersama Matriks Rangka Pendigitalan Sektor Awam

21

8.0 Penjajaran PSP KPN 2026-2030 Bersama Matriks Pelan Strategik KPN 2026-2030

22

9.0 Pelan Pelaksanaan

34

Penutup

Perjalanan pendigitalan KPN menunjukkan evolusi organisasi dalam menyesuaikan keperluan operasi dengan kemajuan teknologi. Bagi tempoh 2021–2025, fokus utama adalah kepada pengukuhan infrastruktur digital, penyediaan sistem asas dan tadbir urus ICT bagi memastikan kestabilan serta pematuhan keselamatan. Memasuki fasa 2026–2030, tumpuan beralih kepada pengintegrasian teknologi baharu, pengoptimuman sistem sedia ada dan automasi pintar berasaskan data untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat secara proaktif. Transformasi ini sejajar dengan agenda nasional seperti RMK Ke-13, *Sustainable Development Goals* (SDG), Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 serta aspirasi membangunkan Malaysia MADANI melalui konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Skop Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KPN 2026-2030



Tempoh Pembangunan:

2026-2030

Fasa Pelaksanaan menyeluruh yang bermula dari tahun 2026 sehingga 2030.



Liputan Menyeluruh & Kolaborasi Strategik

KPN

- ICT di semua peringkat
- Integrasi data pintar
- Agensi (seperti HRMIS JPA)

Merangkumi kajian ICT di semua peringkat KPN serta integrasi data pintar merentas agensi

Rajah 1 : Skop PSP KPN 2026 -2030



Pendekatan Projek

PSP KPN 2026-2030 ini dibangunkan secara dalaman oleh kementerian dengan sokongan khidmat perundingan daripada Unit Pengurusan Strategik ICT, Bahagian Perundingan Digital, Jabatan Digital Negara. Pembangunan PSP KPN 2026–2030 dilaksanakan melalui siri bengkel dan perbincangan berkumpulan merangkumi lima fasa iaitu mobilisasi, analisis, strategi, formulasi dan dokumentasi. Pendekatan ini memastikan pelan disediakan secara tersusun, terkawal serta selaras dengan matlamat pembinaan sebuah Negara Bangsa.




Rajah 2 : Lima Fasa Dalam Penyediaan PSP KPN 2026-2030

Sumber: Dokumen Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam

2.0

Carta Organisasi Pasukan Pembangunan PSP 2026-2030



Rajah 3: Carta Organisasi Pasukan Pembangunan PSP KPN 2026-2030

3.0

Visi dan Misi Kementerian



VISI

Peneraju perpaduan nasional yang progresif dan inklusif ke arah bangsa yang sejahtera

MISI

Memperkasakan nilai kebangsaan, memperkuat tapak integrasi sosial dan melestarikan khazanah warisan sebagai tunjang perpaduan

4.0

Visi dan Misi PSP KPN 2026-2030



VISI

Menerajui ekosistem digital nasional yang inklusif sebagai pemangkin keharmonian Negara Bangsa yang berdaya tahan

MISI

Memperkuatkan pembinaan Negara Bangsa melalui ekosistem digital yang inklusif dan pemeraksanaan teknologi bagi menjamin keharmonian nasional dalam kepelbagaian

5.0

Teras Strategik Pendigitalan

Agenda transformasi digital di KPN berpaksikan kepada kerangka kerja yang komprehensif bagi mendepani cabaran landskap teknologi masa kini. Bagi merealisasikan visi perkhidmatan awam yang dinamik, KPN telah menggariskan tiga (3) teras strategik utama yang menjadi tunjang kepada seluruh inisiatif pendigitalan kementerian. Teras-teras ini bertindak sebagai pemacu utama dalam mengintegrasikan kecanggihan teknologi dengan objektif strategik KPN, bagi mewujudkan persekitaran digital yang cekap, selamat, dan berdaya saing.

Teras pertama memberi tumpuan kepada pemerkasaan ekosistem penyampaian perkhidmatan digital bersepadu dan berorientasikan pengguna. Teras kedua menekankan pengukuhan infrastruktur ICT yang selamat, stabil dan berteknologi terkini, manakala teras ketiga memfokuskan kepada tadbir urus digital serta pembangunan kompetensi ICT dan modal insan. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga teras ini menjadi asas penting dalam memperkukuh transformasi digital organisasi secara cekap, selamat dan mampan.

TERAS 1

PEMERKASAAN EKOSISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU

- **Strategi 1:**
Pemeriksaan aplikasi dan pengurusan maklumat digital bersepadu
- **Strategi 2:**
Peluasan penyampaian perkhidmatan berorientasikan pengguna dan data
- **Objektif:**
Membangunkan aplikasi selaras dengan teknologi baharu dan keperluan organisasi
- **Objektif:**
Meluaskan perkhidmatan digital dalam menghasilkan kepintaran data yang memberi nilai

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL BERASASKAN TEKNOLOGI TERKINI DAN SELAMAT

TERAS 2

- **Strategi 1:**
Pemeriksaan pengurusan kitar hayat dan penyelenggaraan aset ICT
- **Strategi 2:**
Pemeriksaan infrastruktur dan keselamatan siber serta kecekapan rangkaian pintar
- **Objektif:**
Memperkasakan pengurusan peralatan ICT dan sokongan teknikal bagi menjamin ekosistem pendigitalan
- **Objektif:**
Memperkasakan keupayaan keselamatan siber, ketahanan infrastruktur dan kecekapan rangkaian pintar bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan

TERAS 3

PENGUKUHAN TADBIR URUS DIGITAL DAN PEMERKASAAN KEUPAYAAN ICT

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">● Strategi 1:
Pemeriksaan kompetensi modal insan● Strategi 2:
Pemantapan tadbir urus dan pemuatan standard ICT● Strategi 3:
Pemeriksaan pemuatan dan adaptasi budaya digital | <ul style="list-style-type: none">● Objektif:
Memperkuatkan tadbir urus ICT Kementerian secara menyeluruh● Objektif:
Membangunkan pelan pembangunan kompetensi ICT● Objektif:
Memantapkan pembudayaan digital secara menyeluruh dan berterusan |
|--|--|



Rajah 4 : Ringkasan Jumlah Keseluruhan Mengikut Kategori Teras, Strategi, Program & Subprogram



PEMERKASAAN EKOSISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU



STRATEGI 1

Pemeriksaan Aplikasi dan
Pengurusan Maklumat Digital Bersepadu

OBJEKTIF

Membangunkan aplikasi selaras dengan teknologi baharu dan keperluan organisasi

PROGRAM 1



Pembangunan Aplikasi Baharu dan Inovatif

- Sistem Pemantauan Audit
- Sistem e-Psikologi
- Sistem Laporan Pegawai Bertugas
- Sistem Pemantauan Kehadiran Automatik Pintar
- Pembangunan Inisiatif Khazanah Warisan Negara
- Pembangunan Portal Rasmi KPN

PROGRAM 2

➤ Peningkatan dan Pengukuhan Aplikasi Sedia Ada

- Penambahbaikan Sistem ePantas
- ePantas melalui platform mudah alih
- Penambahbaikan Sistem Pemantauan Kontrak
- Penambahbaikan Sistem eParlimen

PROGRAM 3

➤ Pengiktirafan Gerbang Digital Kementerian

- Akreditasi kualiti portal Kementerian berasaskan standard Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan (SPLaSK)



STRATEGI 2

Peluasan Penyampaian Perkhidmatan Berorientasikan Pengguna dan Data

OBJEKTIF

Meluaskan perkhidmatan digital dalam menghasilkan kepintaran data yang memberi nilai

PROGRAM 1

➤ Program perkongsian data strategik dan terbuka

- Pengintegrasian perkongsian data melalui MyGDx
- Penyelarasan dan pengurusan data terbuka Kementerian

PROGRAM 2

➤ Kolaborasi Strategik Bagi Penyepaduan Data Merentas Agensi

- Inisiatif integrasi Data Sistem Bantuan Kewangan Program Perpaduan (MyFou) dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
- Dashboard pemantauan data terbuka
- Memantapkan pangkalan data berpusat Sistem Personel secara masa nyata dengan Sistem HRMIS JPA

PROGRAM 3


➤ Pengukuhan Pengalaman Pengguna (UX) dan Aksesibiliti Digital

- Penyampaian *Single-Sign-On* (SSO): Menyatukan proses log masuk SSO kepada perkhidmatan KPN

PROGRAM 4

➤ Program Penggunaan Automasi Komunikasi dan Respons Digital

- Konsolidasi chatbot pintar
- Automasi notifikasi dan pemakluman perkhidmatan



TERAS 2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL BERASASKAN TEKNOLOGI TERKINI DAN SELAMAT



STRATEGI 1

**Pemerkasaan Pengurusan Kitar Hayat dan
Penyelenggaraan Aset ICT**

OBJEKTIF

Memperkasakan pengurusan peralatan ICT dan sokongan teknikal bagi menjamin ekosistem pendigitalan Kementerian

PROGRAM 1

➤ **Pengukuhan Aset ICT yang Lestari**

- **Perkhidmatan ICT:** Perolehan Perkhidmatan Peralatan ICT Pengurusan Tertinggi untuk tempoh 36 bulan (Mei 2025 - Mei 2028)
- **Sewaan ICT:** Pengurusan Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT Fasa 3 untuk tempoh 36 bulan (Mac 2026 - Feb 2029)

Peralatan & Rangkaian: Perolehan Peralatan ICT dan Rangkaian Pusat Data KPN untuk tempoh 36 bulan (Mac 2026 - Feb 2029)

Perisian : Perolehan perisian yang menyokong keperluan perkhidmatan pendigitalan KPN

- *Audit Command Language (ACL)*
- *Dewan Eja*
- *Adobe Illustrator*
- *Envato Elements*
- *Shutterstock*
- *Freepik*
- *Canva Pro*
- *Midjourney - AI*
- *Filmora Video Editor*
- *Kahoot*
- *MS Power BI*
- *Microsoft Visio*

Perkhidmatan ICT: Perolehan Perkhidmatan Peralatan ICT Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) untuk tempoh 36 bulan (Mei 2026 - April 2029)

Sewaan ICT: Pengurusan Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT KPN untuk tempoh 36 bulan (Jan 2027 - Dis 2029)

Pelanjutan ICT : Pelanjutan Perkhidmatan Peralatan ICT Pengurusan Tertinggi selama 19 Bulan (Mei 2028 - Dis 2029)

Pelanjutan ICT : Perlanjutan Perkhidmatan ICT Fasa 3 bagi selama 10 Bulan (Mac 2029 - Dis 2029)

Pelanjutan ICT : Perolehan Pelanjutan Perkhidmatan Peralatan ICT Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) selama tempoh 8 Bulan (Mei 2029 - Dis 2029)

Sewaan ICT: Perolehan Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT untuk tempoh 36 Bulan (Jan 2030 - Dis 2033)

PROGRAM 2

➤ Pemodenan Persekitaran Kerja Aksesibiliti

- Pelaksanaan sokongan teknikal kepada KPN semasa penganjuran program: Langganan Pelan Data Internet Mudah Alih Bagi Kegunaan Program-Program Di Kementerian Perpaduan Negara (2026 - 2030)



STRATEGI 2

Pemerkasaan Infrastruktur dan Keselamatan Siber Serta Kecekapan Rangkaian Pintar

OBJEKTIF

Memperkasa keupayaan keselamatan siber, ketahanan infrastruktur dan kecekapan rangkaian pintar bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan.

PROGRAM 1

➤ Pemantapan Jaminan Keselamatan Siber

- Pelaksanaan Polisi Keselamatan Siber (PKS) secara berterusan bagi memperkukuh keselamatan sistem ICT
- Pelaksanaan Penilaian Risiko (*Risk Assessment*) sekali setahun
- Pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA) sekali setahun

PROGRAM 2

➤ Penggunaan *Internet of Things* dalam EMS

- Pembangunan Sistem Pemantauan Persekitaran Automatik bagi memantau suhu, kuasa, dan status sistem di pusat data

PROGRAM 3

➤ **Peluasan Perkhidmatan Rangkaian**

- Peluasan perkhidmatan rangkaian capaian internet

PROGRAM 4

➤ **Pengurusan Pemulihan Bencana ICT (*ICT Disaster Recovery Management*)**

- Pengurusan pusat pemulihan bencana

PROGRAM 5

➤ **Pengurusan Sandaran dan Pemulihan (*Backup dan Restore*)**

- Pengukuhan pengurusan sandaran dan pemulihan data ICT

TERAS 3

PENGUKUHAN TADBIR URUS DIGITAL DAN PEMERKASAAN KEUPAYAAN ICT



STRATEGI 1

Pemeriksaan Kompetensi Modal Insan

OBJEKTIF

Memperkuat tadbir urus ICT kementerian secara menyeluruh

PROGRAM 1

► Pembangunan Kompetensi ICT dalam Kalangan Warga

- Penglibatan staf dalam pembangunan dan operasi ICT (*Champion ICT*)
- Pembangunan pelan latihan ICT kepada warga kementerian
- Pelaksanaan perkembangan teknologi terkini kepada semua kakitangan ICT secara berkala

PROGRAM 2

➤ Peningkatan Profesionalisme Untuk Pegawai Teknikal ICT

- Pengiktirafan profesional oleh Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT)
- Program pensijilan profesional dan teknikal



STRATEGI 2

Pemantapan Tadbir Urus dan Pematuhan Standard ICT

OBJEKTIF

Membangunkan Pelan Pembangunan Kompetensi ICT

PROGRAM 1

➤ Penguatkuasaan Polisi dan Prosedur ICT

- Pelaksanaan Kajian Separuh Penggal PSP KPN
- Pemurnian polisi dan dokumen SOP ICT
- Mewujudkan pelan penggantian peralatan ICT berjadual
- Pembangunan rangka kerja dan Dokumen Pelan Pemulihan Bencana (*DRP Development*)

PROGRAM 2

➤ Pemantauan dan Audit Berkala

- Penyelarasan dan pemantauan projek-projek di bawah transformasi digital perpaduan (Teras 4) Pelan Strategik Organisasi (PSO) KPN
- Pemantauan projek ICT melalui ICT *Project Implementation and Monitoring Management System* (ICT PrIMMS) bagi menyokong transformasi digital kementerian
- Pelaksanaan naziran pematuhan PKS
- Pengurusan perkhidmatan secara *end-to-end* (E2E)



STRATEGI 3

Pemerkasaan Pematuhan dan Adaptasi Budaya Digital

OBJEKTIF

Memantapkan pembudayaan digital secara menyeluruh dan berterusan

PROGRAM 1

➤ Pemantapan Pembudayaan Digital yang Menyeluruh dan Berterusan

- Program peningkatan literasi dan pembudayaan digital warga KPN
- Pelaksanaan kajian maklum balas untuk penambahbaikan berterusan dalam perkhidmatan ICT

PROGRAM 2

➤ Program Promosi dan Kesedaran ICT

- Program penggalakan penggunaan perkhidmatan digital
- Pelaksanaan hebahan kesedaran keselamatan ICT

PROGRAM 3

➤ Pelaksanaan Hari Digital Perpaduan Peringkat Kementerian

- Hari Digital Perpaduan

6.0

Landskap Ekosistem ICT


Landskap ekosistem ICT KPN ini berfungsi sebagai instrumen navigasi visual komprehensif yang memetakan keseluruhan ekosistem digital KPN bagi fasa “to-be” (2026-2030). Paparan ini bukan sekadar lakaran teknikal, malah merupakan satu rangka kerja strategik yang mengintegrasikan lapisan medium perkhidmatan, profil pengguna, perkhidmatan utama, sistem aplikasi, pengurusan data, dan infrastruktur teknologi secara holistik. Melalui visualisasi ini, pengurusan tertinggi dapat mengenal pasti kebergantungan antara komponen digital dengan objektif bisnes kementerian, sekali gus memudahkan ketetapan keputusan strategik yang lebih tepat, meminimumkan risiko pertindihan fungsi bagi sistem yang dibangunkan secara silo, dan memastikan setiap pelaburan ICT menyumbang secara langsung kepada pemerkasaan agenda perpaduan nasional dalam mendepani cabaran transformasi digital masa hadapan.

Selain itu, visualisasi ini memperincikan aliran integrasi data merentas agensi yang menjadi nadi kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital kementerian. Dengan memetakan ekosistem yang saling terhubung bermula daripada lapisan infrastruktur fizikal dan keselamatan siber sehingga ke peringkat aplikasi dan perkongsian data luaran, ia menyediakan satu pelan tindakan yang jelas untuk memperkukuh tadbir urus ICT secara bersepadu. Pendekatan ini membolehkan kementerian mengoptimumkan penggunaan teknologi termaju dan analitik untuk menghasilkan impak sosial yang lebih nyata, seterusnya menjamin kelestarian ekosistem digital yang sentiasa responsif terhadap keperluan rakyat serta dinamika landskap keselamatan maklumat masa kini.

7.0

Penjajaran PSP KPN 2026-2030 Bersama Matriks Rangka Pendigitalan Sektor Awam

Kepentingan penjajaran antara PSP KPN 2026-2030 dengan Rangka Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) terletak pada keupayaannya untuk mewujudkan ekosistem penyampaian perkhidmatan keselamatan yang bersepadu, tangkas, dan berpaksikan data. Melalui penyelarasan ini, setiap inisiatif teknologi maklumat dibawah KPN bukan sahaja dapat mengoptimumkan penggunaan sumber serta menjamin kecekapan kos, malah memastikan transformasi digital pasukan keselamatan selari dengan hala tuju nasional menuju kerajaan digital yang holistik. Hal ini secara langsung memperkasakan kedaulatan data negara, meningkatkan kecekapan operasi penguatkuasaan melalui integrasi sistem yang lebih lancar, serta menjamin sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat kekal relevan, selamat, dan berintegriti tinggi selaras dengan standard global sektor awam.




Rajah 6 : Penjajaran PSP KPN 2026-2030 Bersama Matriks RPSA

8.0

Penjajaran PSP KPN 2026-2030 Bersama Matriks Pelan Strategik KPN 2026-2030

Kepentingan penjajaran antara PSP KPN 2026-2030 dengan Pelan Strategik (PSO) KPN 2026-2030 adalah untuk memastikan agenda transformasi digital berfungsi sebagai pemacu utama yang menyokong secara langsung pencapaian visi dan misi kementerian. Penjajaran ini menjamin setiap inisiatif teknologi, seperti pemerksaan data raya dan integrasi sistem bersepadu, adalah selari dengan matlamat strategik organisasi untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh perpaduan nasional melalui platform digital yang selamat dan mampan. Dengan adanya penyelarasan yang sistematik, pembaziran sumber dapat dielakkan dan keberhasilan impak setiap projek ICT dapat diukur secara tepat berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan.



Rajah 7 : Penjajaran PSP KPN 2026-2030 Dengan PSO KPN 2026-2030

9.0

Pelan Pelaksanaan

Pelaksanaan PSP KPN 2026–2030 dirancang dalam tempoh lima tahun mendatang bagi memastikan keseluruhan inisiatif dan program di bawah ketiga-tiga teras strategik dapat dilaksanakan secara menyeluruh, sistematik dan berkesan. Tempoh pelaksanaan ini memberi penekanan kepada usaha memperkukuh penyampaian perkhidmatan digital bersepadu, memperkasa infrastruktur ICT yang selamat dan berteknologi terkini serta memantapkan tadbir urus digital dan pembangunan keupayaan ICT organisasi. Tempoh ini juga membolehkan setiap strategi, program dan subprogram diselaraskan, dipantau serta dinilai secara berterusan agar selaras dengan keperluan organisasi, perkembangan teknologi semasa dan aspirasi transformasi digital yang mampan.





PEMERKASAAN EKOSISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU



STRATEGI 1

Pemeriksaan Aplikasi dan Pengurusan Maklumat Digital Bersepadu









STRATEGI 2

Perluasan Penyampaian Perkhidmatan Berorientasikan Pengguna dan Data





TERAS 2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL BERASASKAN TEKNOLOGI TERKINI DAN SELAMAT



STRATEGI 1

Pemerkasaan Pengurusan Kitar Hayat dan Penyelenggaraan Aset ICT

TINGGI

Perkhidmatan ICT: Perolehan Perkhidmatan Peralatan ICT Pengurusan Tertinggi untuk tempoh 36 bulan (Mei 2025 - Mei 2028)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

TINGGI

Sewaan ICT: Pengurusan Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT Fasa 3 untuk tempoh 36 bulan (Mac 2026 - Feb 2029)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

TINGGI

Peralatan & Rangkaian: Perolehan Peralatan ICT dan Rangkaian Pusat Data KPN untuk tempoh 36 bulan (Mac 2026 - Feb 2029)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)







2026

2027

2028

2029

2030



TINGGI

Perisian : Perolehan perisian yang menyokong keperluan perkhidmatan pendigitalan KPN

- Audit Command Language (ACL)
- Dewan Eja
- Adobe Illustrator
- Envato Elements
- Shutterstock
- Freepik
- Canva Pro
- Midjourney - AI
- Filmora Video Editor
- Kahoot
- MS Power BI
- Microsoft Visio

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

2026**2027****2028****2029****2030****TINGGI**

Perkhidmatan ICT: Perolehan Perkhidmatan Peralatan ICT Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) untuk tempoh 36 bulan (Mei 2026 - April 2029)

Bahagian Pengurusan

TINGGI

Sewaan ICT: Pengurusan Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT KPN untuk tempoh 36 bulan (Jan 2027 - Dis 2029)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

TINGGI


Pelanjutan ICT : Pelanjutan Perkhidmatan Peralatan ICT Pengurusan Tertinggi selama 19 Bulan (Mei 2028 - Dis 2029)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

TINGGI


Pelanjutan ICT : Pelanjutan Perkhidmatan ICT Fasa 3 bagi selama 10 Bulan (Mac 2029 - Dis 2029)


Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



STRATEGI 2

Pemeriksaan Infrastruktur dan Keselamatan Siber Serta Kecekapan Rangkaian Pintar





TERAS 3

PENGUKUHAN TADBIR URUS DIGITAL DAN PEMERKASAAN KEUPAYAAN ICT



STRATEGI 1

Pemeriksaan Kompetensi Modal Insan

SEDERHANA

Penglibatan staf dalam
Pembangunan dan
operasi ICT (*Champion*
ICT)

Bahagian Pengurusan
Maklumat (BPM)


2026

2027

2028

2029


2030



SEDERHANA

Pembangunan pelan
latihan ICT kepada
warga kementerian
dan agensi

Bahagian Pengurusan
Maklumat (BPM)



SEDERHANA

Pelaksanaan perkembangan teknologi terkini kepada semua kakitangan ICT secara berkala.

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

2026

2027

2028

2029

2030

SEDERHANA

Pengiktirafan profesional oleh Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

SEDERHANA

Program pensijilan profesional dan teknikal

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



STRATEGI 2

Pemantapan Tadbir Urus dan Pematuhan Standard ICT

SEDERHANA

Pelaksanaan kajian separuh penggal PSP KPN 2026-2030

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

2026

2027

2028

2029

2030

SEDERHANA

Pemurnian polisi dan dokumen SOP ICT

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

2026 2027 2028 2029 2030

SEDERHANA

Mewujudkan pelan penggantian peralatan ICT berjadual

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



SEDERHANA

Pembangunan rangka kerja dan dokumen pelan pemulihan bencana (DRP Development)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



SEDERHANA

Penyelarasan dan pemantauan projek-projek di bawah transformasi digital perpaduan (Teras 4) Pelan Strategik Organisasi (PSO) KPN 2026-2030

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



SEDERHANA

Pemantauan projek ICT melalui ICT *Project Implementation Management System* (ICT PRiMMS) bagi menyokong transformasi digital kementerian.

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



SEDERHANA

Pelaksanaan naziran pematuhan PKS

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)



SEDERHANA

Pengurusan perkhidmatan secara *end-to-end* (E2E)


Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)





STRATEGI 3

Pemerkasaan Pematuhan dan Adaptasi Budaya Digital



PENUTUP

Sebagai rumusan, PSP KPN 2026–2030 menjadi pemacu utama transformasi digital kementerian dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang cekap, inklusif dan berimpak tinggi kepada rakyat. Pelan ini bukan sahaja menumpukan kepada pemodenan teknologi dan tadbir urus digital, malah menjadi instrumen strategik dalam menyokong agenda perpaduan nasional melalui penggunaan teknologi yang mampu merapatkan jurang sosial, memperluas akses perkhidmatan serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat majmuk.

Pelaksanaan pelan ini selaras dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara yang menekankan pengukuhan integrasi nasional, semangat kebersamaan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum. Pada masa yang sama, ia mendukung hasrat membangun Malaysia MADANI melalui konsep perpaduan dalam kepelbagaian dengan mewujudkan ekosistem digital yang adil, progresif dan berteraskan nilai kemanusiaan. Selain itu, pelan ini turut menyokong Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 serta Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 sebagai panduan ke arah pembinaan sebuah Negara Bangsa yang bersatu padu, berdaya tahan dan mampan.

Justeru, melalui komitmen berterusan semua pihak, PSP KPN 2026–2030 ini diyakini mampu meletakkan kementerian sebagai peneraju transformasi digital sektor awam yang menyumbang secara langsung kepada keharmonian, kemakmuran dan masa depan Malaysia yang lebih sejahtera.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhr Perdana Timur A, Presint 1,
62000, Wilayah Persekutuan Putrajaya.



603-8091 8000



www.perpaduan.gov.my



@PerpaduanNegara



@perpaduannegara



@PerpaduanNegara



@perpaduannegara



@perpaduannegara



@perpaduan_negara